

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**


**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

**LARANGAN TERHADAP PENYEWAAN JENTERA KEPADA SYARIKAT DAN  
INIDIVIDU YANG TERBABIT DENGAN AKTIVITI PERLOMBONGAN HARAM DI  
NEGERI KELANTAN**

---

Arahan ini dikeluarkan bagi mengingatkan pemilik-pemilik jentera serta kenderaan pengangkutan agar tidak menyewakan atau membenarkan apa-apa sahaja jentera atau kenderaan pengangkutan untuk digunakan dalam perlakuan kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara seperti pemindahan bahan batuan tanpa permit dan penerokaan tanah secara haram serta kesalahan di bawah Enakmen Mineral Negeri Kelantan seperti perlombongan haram. Sila ambil perhatian bahawa jentera-jentera yang digunakan dalam melakukan kesalahan-kesalahan tersebut boleh dirampas serta dilucuthakkan.

2. Sehubungan dengan itu sekiranya pemilik jentera memohon untuk pelepasan sementara jentera-jentera yang dirampas , dan Pentadbir Tanah bersetuju untuk meluluskan permohonan berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan yang wajar, maka bayaran jaminan sehingga RM100,000.00 boleh dikenakan.
3. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta-merta.



.....  
HAJI NIK RAISNAN BIN HAJI DAUD  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.32/69 Jld.5  
BERTARIKH : 04 Jun 2025 /07 Zulhijjah 1446H.